

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH:7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cuaca, gempa bumi dipantau berterusan	Harian Metro
2.	Amaran hujan lebat dikeluarkan	Utusan Malaysia
3.	Met Dept had issued severe weather alerts	New Straits Times
4.	Ahli Parlimen simpati nasib mangsa	Berita Harian
5.	'Siap sedia hadapi gelombang kedua, ketiga'	Berita Harian
6.	Gelombang kedua banjir	Utusan Malaysia
7.	Waspada gelombang kedua	Harian Metro
8.	'Gear up for second, third wave of floods'	New Straits Times
9.	Tiada gelombang banjir kedua landa Pulau Pinang	KOSMO
10.	Zahid: Disaster a lesson for everyone	The Star
11.	Kesiapsiagaan 100 peratus hadapai gelombang kedua dan ketiga perubahan cuaca	BERNAMA
12.	'Enhance skills of our forecasters'	The Star
13.	Segerakan senarai jumlah mangsa banjir di Pusat Pemindahan	BERNAMA
14.	Mangsa banjir Pulau Pinang menurun kepada 6,243 orang malam ini	BERNAMA
15.	Usul tergempar berhubung banjir di bentang di sidang DUN Pulau Pinang	BERNAMA
16.	Bekas jurutera disyaki eksport sebuk ketum ditahan	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 67
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Cuaca, gempa bumi dipantau berterusan

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) memantau fenomena cuaca dan gempa bumi secara berterusan dan sepanjang masa.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, maklumat dan amaran cuaca, gempa bumi dan Tsunami juga sentiasa dikemas kini dan disebarluaskan kepada pelbagai agensi pengurusan bencana khususnya Agensi Pengurusan Bencana Nasional (NADMA).

Katanya, proses penyebaran maklumat dan amaran berpandukan kepada Peraturan Tetap Operasi (PTO) Penyediaan dan Penyebaran Amaran Cuaca Buruk serta PTO Pemantauan dan Pengeluaran Maklumat Gem-



DR Abu Bakar

pa Bumi dan Amaran Tsunami.

“Sebagai contoh, amaran hujan lebat peringkat kuning akan dikeluarkan MetMalaysia kepada agensi pengurusan bencana dan media massa sekiranya pemantauan menunjukkan hujan lebat dijangka berlaku dalam tempoh satu hingga tiga hari lagi.

“Bagi maklumat awal gempa bumi dan Tsunami, ia akan disebarluaskan dalam tempoh lapan minit dari pada kejadian gempa bumi dikesan,” katanya.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Amaran hujan lebat dikeluarkan

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Jabatan Meteorologi telah mengeluarkan amaran awal hujan lebat peringkat jingga bagi kawasan utara Semenanjung Malaysia menerusi siaran televisyen pada pukul 6 petang, 4 November lalu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, amaran peringkat jingga bermaksud hujan diramalkan turun pada tahap maksimum dan berterusan.

Katanya, sebelum itu, Jabatan

Meteorologi telah mengeluarkan amaran awal hujan lebat peringkat kuning bagi kawasan sama pada 1 November lalu.

"Amaran hujan lebat peringkat kuning akan dikeluarkan kepada agensi pengurusan bencana dan media sekiranya pemantauan menunjukkan hujan lebat dijangka berlaku dalam tempoh satu sehingga tiga



**ABU BAKAR
MOHD. DIAH**

hari lagi," katanya semasa menjawab soalan tambahan **Tan Kok Wai (DAP-Cheras)** dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Kok Wai meminta kementerian menjelaskan sama ada Jabatan Metereologi gagal memberi amaran awal hujan lebat di Pulau Pinang berikutan insiden banjir kilat di negeri berkenaan semalam.

**KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Met Dept had issued
severe weather alerts**

KUALA LUMPUR: The Meteorological Department had, on Nov 1 and Nov 4, issued early warnings of heavy and continuous rain in the northern states. It had first issued a Yellow Alert, which anticipated increasingly severe weather conditions in northern states, via a television broadcast, followed by the Orange Alert to warn that rainfall would continue at the maximum level and remain persistent, the deputy science, technology and innovation minister told the Dewan Rakyat.

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Ahli Parlimen simpati nasib mangsa

Kuala Lumpur: Beberapa Ahli Parlimen menzahirkan rasa dukacita dan simpati atas bencana banjir di Pulau Pinang pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Antara yang memperlihatkan keprihatinan terhadap nasib malang menimpa rakyat adalah Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah.

Yang turut menzahirkan simpati adalah Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling) dan Datuk Liang Teck Meng (BN-Simpang Renggam).

Wakil rakyat pembangkang yang turut menyentuh isu banjir Pulau Pinang adalah Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Permatang Pauh); Nga Kor Ming (DAP-Taiping); Tan Kok Wai (DAP-Cheras) dan Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani).

Bantuan agensi bantu calon SPM

Sementara itu, Kamalanathan berharap banjir di utara Semenanjung, terutama di Pulau Pinang beransur pulih untuk memudahkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menduduki peperiksaan,

“Kami berharap bantuan agensi Kerajaan Persekutuan dapat menyenangkan hati calon untuk menduduki peperiksaan dengan baik selain, mengurangkan beban rakyat menghadapi bencana alam,” katanya.

Abu Bakar pula mendoakan keselamatan rakyat terjejas banjir, selain kementeriannya meneruskan pemantauan cuaca dan mengemaskini maklumat terbaru keadaan cuaca.

Teck Meng pula yakin Kerajaan Persekutuan tidak akan membiarkan rakyat Pulau Pinang bersendirian mengharung malapetaka banjir menerusi penghantaran jentera segera dan bantuan.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

'Siap sedia hadapi gelombang kedua, ketiga'

TPM mahu Jabatan Meteorologi sebar maklumat perubahan cuaca bagi pindah segera mangsa banjir

Oleh Adha Ghazali dan Siti Fatimah Mohamed Anwar
bhnews@bh.com.my

► Kepala Batas

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengarahkan semua pihak bersedia sepenuhnya menghadapi kemungkinan gelombang kedua dan ketiga perubahan cuaca pada bulan ini hingga Februari depan.

Ahmad Zahid pada masa sama berharap Jabatan Meteorologi (MET) Malaysia menyebarkan maklumat secara menyeluruh berkaitan perubahan cuaca itu supaya persediaan pemindahan segera boleh dilakukan.

Beliau bimbang kesiapsiagaan tidak dapat dilakukan sekiranya ramalan yang dibuat oleh MET Malaysia tidak dihebahkan secara menyeluruh dan segera.

"Kesiapsiagaan 100 peratus ini perlu dilaksanakan oleh Jawatan-

kuasa Pengurusan Bencana Negara untuk membolehkan tindakan memindahkan mangsa banjir dibuat sebelum berlaku hujan lebat atau paras air meningkat.

Jadikan pengajaran

"Apa yang berlaku di Pulau Pinang boleh dijadikan pengajaran dan bukan untuk menudung jari kepada mana-mana pihak. Namun jika MET (Malaysia) dapat menghebahkan ramalan ini lebih awal maka usaha pemindahan segera boleh dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bertam Indah, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, pusaran angin dan unjur kelompok awan tebal yang berlaku di Pantai Barat kini diramal menuju ke Pantai Timur membabitkan Kelantan, Tereng-

ganu, Pahang dan Johor Utara serta Johor tengah.

"Malah, angin diramalkan bertipi di Sabah dan Sarawak pada Disember ini atau awal Januari sehingga Februari depan. Justeru, sekiranya data (ramalan) menggunakan teknologi baharu yang dikeluarkan MET (Malaysia) ini tidak digunakan maka kesiapsiaganan tidak dapat dilakukan."

"Pastinya (kerajaan negeri) Pulau Pinang tidak jangka banjir berlaku sebab maklumat lambat dikongsi bersama. Kita tidak salahkan sepiapa-tapi saya fikir kita perlu lakukan kesiapsiagaan bermula sekarang.

"Justeru, Jawatankuasa Pengurusan Bencana akan menggunakan acuan Pelan Pengurusan Banjir Kemaman sebagai panduan operasi pemindahan mangsa banjir dibuat iaitu seminggu sebelum berlaku bencana," katanya.

Mengenai bantuan agensi kerajaan kepada mangsa banjir, Ahmad Zahid berkata:



Ahmad Zahid meninjau keadaan banjir di sekitar Pulau Pinang dari helikopter, semalam.



Apa yang berlaku di Pulau Pinang boleh dijadikan pengajaran dan bukan untuk menudung jari kepada mana-mana pihak. Namun jika MET (Malaysia) dapat menghebahkan ramalan ini lebih awal maka usaha pemindahan segera boleh dilakukan"

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

Beri bantuan

"Saya fikir dari segi kemudahan kepada mangsa banjir ia berada pada skala tujuh daripada 10. Malah, kerajaan beri jaminan bantuan kepada mangsa banjir di Pulau Pinang akan dilakukan tanpa mengambil kira warna kulit dan perbezaan fahaman politik."

Ahmad Zahid kemudian turut melawat mangsa banjir di Dewan Banjir Guar Jering, dekat Penanti, Bukit Mertajam. Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Bercakap pada media, beliau berkata maklumat awal bencana banjir membolehkan mangsa di kawasan risiko dipindahkan tiga hari lebih awal.

Di Kulim, Ahmad Zahid mengumumkan peruntukan RM2.5 juta untuk mengatasi isu tanah jerlus di Taman Selasih, di sini, susulan banjir melanda utara Semenanjung sejak tengah malam Sabtu lalu.

► Lagi berita, gambar di Ms.4

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

TPM arah siap siaga koordinasi agihan bantuan, operasi menyelamat

Gelombang kedua banjir

Oleh AZELI ALI
azeli.ali@utusan.com.my

■ KEPALA BATAS 6 NOV.

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi melahirkan kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya bencana banjir gelombang kedua dan ketiga di sekitar utara Semenanjung ekoran perubahan cuaca yang bermula bulan ini sehingga Februari depan.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pelbagai pihak supaya bersiap siaga sepenuhnya dalam memastikan koordinasi proses menghulurkan bantuan dan operasi menyelamat dapat digerakkan di bawah seliaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara.

Menurutnya, Jabatan Meteorologi juga diminta menyampaikan maklumat dengan segera supaya usaha menyelamat dan memindahkan mangsa berisiko dibuat sebelum hujan lebat atau paras air sungai meningkat.

"Pusaran angin dan unjuran kelompok awan tebal dijangka berlaku di Pantai Barat yang mungkin menyebabkan banjir gelombang kedua dan ketiga bukan sahaja di negeri ini, tetapi Kedah, Perlis dan Perak Utara serta Perak Tengah.

"Selepas itu dijangka bergerak ke Pantai Timur bermula di Kelantan seterusnya ke Terengganu,彭亨 and mungkin Utara dan Tengah Johor sebelum ke Sabah serta Sarawak pada Disember ini atau awal Januari depan," katanya.



AHMAD ZAHID HAMIDI beramah mesra dengan warga emas, Abu Bakar Ahmad sambil disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Seri Zainal Abidin Osman di pusat penempatan sementara di Seberang Perai, Pulau Pinang, semalam. - BERNAMA

Beliau ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bertam Indah, di sini hari ini.

Terdahulu, beliau turut mengadakan lawatan ke Taman Guar Perahu yang menempatkan 365 mangsa sebelum mengunjungi 400 lagi mangsa yang ditempatkan di SK

Padang Menora di Tasek Gelugor.

Mengulas mengenai banjir di negeri ini, Ahmad Zahid berkata, bencana itu adalah satu pengajaran, namun bukan untuk menuding jari kepada mana-mana pihak.

Dalam masa sama, beliau menggesa Jabatan Meteorologi memberikan maklumat awal supaya

persiapan berdepan bencana tersebut dapat dilakukan dengan baik.

"Kita harus menggunakan pa-kai Pelan Pengurusan Banjir Ke-maman yang dilihat berkesan apabila berhadapan dengan bencana dan dalam kes di negeri ini, persediaan awal boleh mengubah keadaan," katanya.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**



ANGKATAN Tentera Malaysia (ATM) memberi bantuan barang keperluan seperti bantal dan tilam kepada mangsa banjir di Flat Taman Free School, Jelutong.



setem

BAH MENDERU

Waspada gelombang kedua

■ Ramalan Jabatan Meteorologi perlu diambil kira, disebarluaskan

Kepala Batas

Kejadian banjir dan ribut di Pulau Pinang Sabtu dan pagi Ahad lalu harus dijadikan pengajaran mengenai ke pentingan ramalan Jabatan Meteorologi (MET) diambil kira dan disebarluaskan supaya kesia siagaan lebih awal dapat dilakukan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ramalan MET menjangkakan berlaku perubahan cuaca dari November hingga Februari di pantai barat dan pantai timur.

Beliau berkata, penduduk di wilayah utara seperti Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis harus bersedia kerana ramalan merah dijangka berlaku lagi jam 6 petang ini (semalam) dan berwaspadalah dengan jangkaan gelombang kedua serta kerigaan banjir selepas ini.

"Saya khuatir ramalan MET tidak disampaikan kepada Jawa-Timur. Bencana Negara menyebabkan kesiapsiagaan seperti perpindahan lebih awal sebelum hu-



DR Ahmad Zahid bersama Reezal Merican (kanan) beramah mesra dengan Abu Bakar Darus yang terlantar akibat darah tinggi dan kencing manis di Sekolah Kebangsaan Bertam Indah, Kepala Batas.

jan lebat atau paras air meningkat tidak dapat dilakukan."

"Saya tidak mahu menuingkan jari kepada sesiapa, tetapi kejadian di Pulau Pinang harus dijadikan pengajaran jika kajian MET dimaklum lebih awal, kesiapsiagaan dapat dilakukan lebih awal."

dapat dilakukan lebih awal.

"Menurut kajian itu, pusaran angin dan unjuran kelompok awan tebal yang berlaku di pantai barat ini dijangka akan menuju ke pantai timur membabitkan Kelantan, Terengganu, Johor dan Johor Utara serta

Johor Tengah dan angin ini diramalkan berada di Sabah dan Sarawak pada Disember ini atau awal Januari hingga Februari depan. Justeru, sekiranya data (ramalan) menggunakan teknologi baru dikeluarkan MET ini tidak digunakan, maka kesiapsiagaan tidak dapat dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bertam Indah, di sini, semalam. Hadir sama, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng, Menteri Di Jaya dan Timbalan Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim, Ahli Parlimen Kepala Batas merangkap Timbalan Menteri Luar Negeri Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican serta Pengurus Badan Perhubungan UMNO negeri Datuk Seri Zainal Abidin Osman.

66

Saya tidak mahu menuding jari kepada sesiapa, tetapi kejadian di Pulau Pinang harus dijadikan pengajaran jika kajian MET dimaklum lebih awal, kesiapsiagaan dapat dilakukan lebih awal"

Dr Ahmad Zahid Hamidi

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)

FOUL WEATHER



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi and Kedah Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah (second from right) looking at the aftermath of floods in Taman Selasih, Kulim, Kedah, yesterday. PIC BY SHARUL HAFIZ ZAM

'GEAR UP FOR SECOND, THIRD WAVE OF FLOODS'

Early warning, preparations are important, says DPM

KEPALA BATAS

DEPUTY Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidji has warned of a possible second and third wave of floods, expected to last until February, and asked authorities to be prepared for the worst.

He said the foul weather, brought by climate change, would likely affect the entire country.

Underlining the importance of early preparation, Zahid referred to the Kemaman flood management system.

"Under the Kemaman flood management system, evacuation was done three days before the water rose to dangerous levels.

"If the template had been put in place, aid could have been coordinated in a better manner."

He said he was satisfied with the assistance rendered to flood

victims, but added that there was still room for improvement.

"In Penang's case, since it was highly unexpected, some aid arrived late.

"I have instructed Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim to cooperate with Chief Minister Lim Guan Eng to speed things up.

"I want that to be improved before we face a possible second and third wave of floods."

He said the flood situation in Penang should serve as a lesson to all, particularly the Malaysian Meteorological Department (MMD), in providing early warning to enable authorities to make early preparations.

"The MMD has a forecast of the weather conditions and will alert us on areas with dark clouds and such."

"Our concern is when MMD does not provide these forecast, and we are not able to make early preparations," he said after visiting some 700 flood victims in SK Bertam Indah here yesterday. Zahid urged authorities to up-

date and confirm the list of evacuees before 10am today.

"This is to ensure that we can hand over the necessary aid earlier."

He stressed that there were no political differences when it came to helping the people.

"The people should always be the main priority."

Zahid's visit to Penang started at Dewan Guar Jering in Permatang Pauh. Then, he made his way to the Tasek Gelugor parliamentary constituency, where he visited 400 flood victims in SK Pandang Menara.

Lim thanked the Federal Government for its assistance.

A 17-hour storm on Saturday paralysed the state, triggering a mega flood, landslides and uprooted trees.

It was reported that the extraordinary storm could have been the side effect of the Damrey Typhoon that hit Vietnam.

In Kulim, Zahid approved a RM2 million allocation to repair the drainage system that caused a sinkhole in Taman Selasih yesterday.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (BANJIR) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Tiada gelombang banjir kedua landa Pulau Pinang

KUALA LUMPUR – Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) meramalkan tiada lagi episod hujan lebat berterusan melanda kawasan utara negara khususnya Pulau Pinang dan sebahagian negeri Kedah serta Perak selepas ini.

Ketua Pengarah MET-Malaysia, Alui Bahari berkata, tiupan angin tekanan udara rendah mulai hari ini akan bergerak menuju Pulau Pinang dan selatan Thailand sebelum menuju ke Laut Andaman berhampiran selatan Myanmar dan kemudian merentasi utara Segenting Kra di selatan Thailand.



"Justeru, penduduk Pulau Pinang, Kedah dan Perlis tidak lagi perlu risau akan fenomena hujan lebat dan tiupan angin kencang seperti yang berlaku pada Sabtu dan Ahad lalu," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo*' semalam.

Bagaimanapun, menurut beliau, penduduk di negeri-negeri di pantai timur perlu bersedia kerana kawasan tersebut akan

menerima hujan lebat pada hujung tahun ini kerana dipengaruhi Monsun Timur Laut.

"Lazimnya Kelantan, Terengganu dan Pahang akan mengalami Monsun Timur Laut yang menyebabkan perubahan cuaca serta mungkin berlakunya banjir," tegasnya.

Alui menasihati orang ramai supaya sentiasa menyemak laporan

cuaca terkini melalui laman sesawang METMalaysia iaitu www.met.gov.my atau hubungi talian 1-300-22-1688 bagi mengetahui keadaan cuaca semasa.

Dalam pada itu, Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Mastura Mahmud berkata, tekanan udara rendah yang membawa angin yang berpusar mengikut lawan arah jam telah membawa taburan hujan lebat di Pulau Pinang dan beberapa bahagian lain di Kedah sehingga mengundang bencana besar:

"Tiupan angin tekanan udara rendah itu beredar dari arah barat Pulau Pinang dan sekarang berada di kawasan Laut Chi-

na Selatan berhampiran Kelantan dan Teluk Siam," kata beliau.

Menurut beliau, bencana banjir yang berlaku di Pulau Pinang itu disifatkan sebagai satu fenomena alam yang berpunca daripada hujan yang lebat dan angin kencang.

Info Solat 7 NOVEMBER 2017
18 SAFAR 1439H

	SURIA	SYURUK	ZUHR	ASR	MAGHRIB	IYAM
K. LUMPUR	5.40	6.56	1.00	4.21	6.58	8.09
SHAH ALAM	5.40	6.56	1.00	4.21	6.58	8.09
SEREMBAN	5.37	6.55	12.58	4.19	6.57	8.09
MELAKA	5.36	6.55	12.57	4.18	6.57	8.09
JOHOR BAHRU	5.29	6.48	12.51	4.12	6.52	8.03
IPOH	5.43	7.00	1.02	4.23	7.00	8.11
P. PINANG	5.46	7.04	1.05	4.25	7.01	8.12
ALOR SETAR	5.47	7.04	1.05	4.25	7.00	8.11
K. TERENGGANU	5.35	6.54	12.53	4.14	6.50	8.01
KOTA BHARU	5.44	6.59	12.57	4.18	6.53	8.00
KUANTAN	5.33	6.50	12.54	4.14	6.53	8.04
KANGAR	5.47	7.06	1.04	4.25	7.00	8.11
TAWAU	4.36	5.55	11.55	3.16	5.52	7.04
KOTA KINABALU	4.42	6.03	11.59	3.20	6.02	7.06
KUCHING	5.04	6.19	12.26	3.47	6.26	7.38
MIRI	4.50	6.05	12.10	3.31	6.08	7.20

* Kawasan-kawasan sewaktu dengannya

Zahid: Disaster a lesson for everyone

KEPALA BATAS: The flood disaster that hit Penang, Kedah, Perlis and northern Perak is a lesson for the whole country, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"If the Meteorological Department had alerted the National Disaster Committee earlier, preparations to save flood victims could have been done faster."

"It is not to point fingers at anyone. We are not blaming anybody but Penang was not ready because the information was shared late."

"What happened here is a lesson for everyone," Dr Ahmad Zahid said yesterday.

At 3.30am on Sunday, when the storm was at its strongest and floodwaters were over 3m high in central Seberang Prai, Penang's disaster teams could not rescue people quickly enough and Chief Minister Lim Guan Eng telephoned Dr Ahmad Zahid to request military assistance.

Dr Ahmad Zahid said the Meteorological Department had been utilising a new technology and produced data that forecast weather changes from November to February.

"All of this data is new technology and if it is not utilised, then preparation cannot be done."

He said storms were expected in the northern and central regions of Perak.

"The storm may spread to the east coast, and even north and central Johor."

"It is expected to reach Sabah and Sarawak by December or January," he said at SK Bertam Indah here



On the ground:
Dr Ahmad Zahid chatting with flood victims at the Guar Jering flood relief centre in Penanti as Lim looks on.

after visiting flood victims sheltering at the school.

Dr Ahmad Zahid said the National Disaster Committee would use the Kemaman Template (used to plan for floods).

Named after a town in Terengganu that is hit almost annually by serious floods, he said it outlined a methodology where planning for flood disaster is done a week before the predicted date and physical preparations are deployed three days early.

After visiting three flood relief

centres in Penang, Dr Ahmad Zahid said that on a scale of one to 10, he rated the state's readiness at seven.

"I cancelled seven programmes to come today and see the preparations for myself."

"My worry is that more heavy rain has been forecast. There will be a second and third round."

"Preparations need to be at 100%. Even if it does not happen, the equipment can be deployed to areas where floods are predicted to happen," he said.

Also present were Lim, Kedah Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah and Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

The Deputy Prime Minister advised them to ensure that all flood victims in the northern region were registered by 10am today.

"We want to look into providing financial aid for them quickly."

"In the past, I discovered that aid was disbursed so late that victims only received the money during the next flood," he added.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 OKTOBER 2017 (SELASA)



Kesiapsiagaan 100 Peratus Hadapi Gelombang Kedua Dan Ketiga Perubahan Cuaca



KEPALA BATAS, 6 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mahu kesiapsiagaan 100 peratus untuk proses pemindahan mangsa banjir lebih awal bagi menghadapi gelombang kedua dan ketiga perubahan cuaca yang dijangka berlarutan sehingga Februari depan.

Ahmad Zahid berkata semua data berhubung ramalan perubahan cuaca yang diperoleh daripada **Jabatan Meteorologi Malaysia** akan digunakan sepenuhnya bagi membolehkan semua mangsa dapat dipindahkan lebih awal iaitu seminggu sebelum hujan lebat atau angin kencang berlaku.

"Apa yang berlaku di Pulau Pinang adalah suatu pengajaran, bukan dengan tujuan untuk menuding jari tetapi jika Jabatan Meteorologi dapat memberikan hasil unjuran dan ramalan cuaca ini lebih awal maka usaha-usaha pemindahan dapat dilakukan. Semua data ini merupakan teknologi baharu yang jika tidak digunakan maka kesiapsiagaan tidak dapat dilakukan.

"Oleh yang demikian, saya sebagai pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara akan menggunakan acuan Pelan Pengurusan Banjir Kemaman kerana acuan ini mengunjurkan seminggu sebelum berlaku untuk kesiapsiagaan dilakukan. Pemindahan secara fizikal dilakukan tiga hari sebelum ia berlaku," katanya pada sidang media selepas melawat pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Bertam Indah, di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Luar Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Terdahulu, Ahmad Zahid meluangkan masa kira-kira setengah jam melawat pusat pemindahan sementara itu sebelum makan tengah hari bersama-sama mangsa banjir di situ.

Mengulas mengenai lawatannya ke kawasan banjir di Pulau Pinang, Ahmad Zahid berkata kemudahan dan bantuan untuk mangsa banjir di negeri ini berada pada skala tujuh daripada 10 dan pihaknya akan memastikan semua barang keperluan serta peralatan dapat disalurkan segera kepada mereka.

"Oleh kerana keadaan yang berlaku di Pulau Pinang ini agak mengejut maka kemudahan dan perkakasan tidak dapat dibekalkan kepada semua mangsa-mangsa yang telah dipindahkan. Saya harap Datuk Seri Shahidan dapat membantu ketua menteri Pulau Pinang dan kerajaan negeri untuk melakukan penyelarasaran," katanya.

Beliau turut mengarahkan pendaftaran segera mangsa-mangsa banjir yang telah dipindahkan dapat disiapkan sebelum pukul 10 pagi esok kerana tidak mahu kelewatan bantuan kewangan kepada mangsa banjir seperti yang berlaku sebelum ini.


Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata usaha kerajaan membantu kerajaan DAP Pulau Pinang jelas membuktikan bahawa perbezaan politik tidak menghalang mereka berada di pentas dan akar umbi yang sama untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir.

Sementara itu, Lim berkata kerajaan DAP Pulau Pinang akan memberi kerjasama penuh dengan kerajaan persekutuan dalam usaha memastikan setiap rakyat yang terjejas di negeri ini menerima bantuan yang sewajarnya.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Ahmad Zahid yang bukan sahaja meluangkan masa malah membatalkan tujuh program sedia ada agar beliau dapat meninjau keadaan banjir dan angin ribut yang begitu kencang sekali di negeri ini. Kita hargai kehadiran beliau. Kita bersyukur tentang beberapa pengumuman yang dibuat oleh beliau iaitu tentang bantuan yang diberikan," katanya.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**



Now and then: An aerial view of George Town taken yesterday evening (left) showing floodwaters have subsided. On Sunday, (right) many parts of the city was covered by floodwaters.

'Enhance skills of our forecasters'

Climate expert says tropical storms could develop very fast within 24 hours

PETALING JAYA: The Malaysian Meteorological Department needs to enhance the skills of storm forecasters in light of the floods in Penang, a climate expert said.

Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah from Universiti Malaya said the heavy rains that hit Penang was related to Typhoon Damrey, a strong tropical cyclone that hit Vietnam.

"It did not pass near Penang but created a tropical storm as it circulated, beginning at the Gulf of Thailand on Nov 2."

The tropical storm then moved across Peninsular Malaysia, bringing heavy rains over Penang and Kedah," he said.

Prof Azizan said these tropical storms could develop very fast over a period of 24 hours.

"If you are an experienced forecaster, you can recognise something like this on a satellite radar image, and then be on alert on where it's more likely to head by monitoring it closely."

"We need to further enhance the skills of our forecasters and strengthen MetMalaysia's research service," said Prof Azizan.

MetMalaysia director-general Alui Bahari was quoted as saying that the department had issued a yellow alert on Nov 1, as well as the subsequent amber and red notices, about the severe thunderstorm that hit Penang and Kedah on Saturday.

According to the MetMalaysia Facebook page, a red alert for Penang and part of

Kedah was issued at 9.30pm on Saturday.

Asked whether the floods were due to climate change, Prof Azizan said that there was no direct link between climate change and the Penang floods.

However, there could be an indirect effect as climate change was said to cause more extreme weather, he said.

"There were huge floods in Kemaman Terengganu in 2013; Kelantan and Pahang in 2014; and Narathiwat, Thailand, last year."

"We can see clearly that extreme weather episodes are taking place frequently in recent years," he said.

In GEORGE TOWN, residents are downloading myCuaca app into their smartphones

to get weather warning alerts after the recent flood mayhem in the state.

The app was developed by MetMalaysia in 2015 to provide daily weather forecast.

Balik Pulau resident Hamidah Ahmad, 55, said she was introduced to the app by a friend from her neighbourhood watch when they were trapped in their homes on Saturday.

"It was a living nightmare as the main road to our neighbourhood was inaccessible and our telephone lines were down due to the floods," she said.

Hamidah added that she found the app nifty because she could even add favourite locations to monitor the weather data over several days.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)



Segerakan Senarai Jumlah Mangsa Banjir Di Pusat Pemindahan - Shahidan

BUTTERWORTH, 6 Nov (Bernama) -- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) serta pejabat Daerah dan Tanah di Pulau Pinang diminta memberi maklumat jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara dengan segera.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim berkata maklumat itu sangat diperlukan bagi membolehkan bantuan disalur dengan segera kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat banjir.

"Kita tahu banyak orang terjejas kerana banjir tetapi kita hanya tampung kepada mereka yang berpindah di pusat pemindahan. Tapi orang yang tidak berpindah kalau memerlukan bantuan makanan kita akan hantar...tidak ada masalah."

"Tapi dari segi bantuan lain mereka mesti berpindah ke pusat pemindahan dan tidur di sana. Kalau pejabat daerah dan SUK selesai pukul 12 malam ini, pagi esok kita boleh sampaikan bantuan," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Beliau berkata kebiasaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) akan memproses bantuan kepada semua mangsa bencana dalam masa satu minggu dengan syarat pejabat daerah dan SUK menghantar jumlah mangsa yang terlibat.

Shahidan berkata pihaknya memberi masa kepada pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan senarai nama jumlah mangsa yang terlibat selewat-lewatnya pagi esok.

"Saya melawat hampir semua pusat pemindahan banjir dan saya sendiri sahkan bahawa mangsa banjir sekian banyak. Mereka tak boleh bertambah lagi. Kalau ada pertambahan bererti mesti berlaku bencana di sana, air naik dan sebagainya. Tapi kalau sengaja nak daftar, tak boleh sebab kita dah tetapkan," katanya.

Beliau berkata setakat ini seramai 7,498 orang melibatkan 1,728 keluarga ditempatkan di 61 pusat pemindahan di lima daerah di negeri ini.

Katanya seramai 2,348 anggota yang terdiri daripada polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, JKM, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, pasukan Smart dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) terlibat membantu mangsa-mangsa banjir di negeri ini.

Dalam pada itu, Shahidan turut mengingatkan orang ramai supaya sentiasa peka dengan amaran perubahan cuaca yang dikeluarkan oleh **Jabatan Meteorologi Malaysia** dan mengambil tindakan segera dengan menyelamatkan barang-barang penting.

"Yang paling penting sekarang ini kita tidak mahu lagi berlaku seperti ini. Arahan kita kepada semua pejabat daerah dan SUK berpindah sebelum bencana. Macam di Kelantan, Terengganu dan Pahang mereka ini bencana tak berhenti berlaku, mereka sudah faham. Mereka akan berpindah satu hari atau dua hari (sebelum bencana) dengan itu selamatlah harta benda, kereta dan sebagainya.

"Tapi di Pulau Pinang ini, Jabatan Meteorologi Malaysia dah bagi amaran kuning tapi mereka duduk rileks lagi, amaran jingga tak kisah lagi...amaran merah pun tak kisah lagi. Sikap untuk berpindah awal itu belum lagi menjadi budaya," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)



Mangsa Banjir Pulau Pinang Menurun Kepada 6,243 Orang Malam Ini

GEORGE TOWN, 6 Nov (Bernama) -- Jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara di empat daerah di Pulau Pinang setakat pukul 9 malam ini, menurun kepada 6,243 orang berbanding 6,293 orang, petang tadi.

Jurucakap bilik gerakan banjir berkata Daerah Seberang Perai Utara (SPU) masih mencatatkan mangsa banjir tertinggi iaitu 3,955 orang di 18 pusat pemindahan, yang jumlahnya kekal sejak petang tadi.

"Keadaan banjir di kawasan SPU masih sama seperti petang tadi walaupun sudah tiada hujan di daerah itu. Beberapa jalan raya yang ditutup juga masih tidak dibuka kepada lalu lintas kerana paras air antara 0.2 meter hingga 0.5 meter," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) mencatatkan 2,065 mangsa banjir di 20 pusat penempatan, 191 orang di tiga pusat penempatan di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan 32 mangsa di sebuah pusat penempatan di Daerah Timur Laut.

Di daerah SPT, sebanyak enam jalan ditutup kepada lalu lintas kerana air naik hingga 0.5 meter antaranya Jalan Betek, Jalan Song Ban Kheng, Jalan Seri Bayu, Jalan Perkampungan Juru dan Jalan Tok Kangar.

Jurucakap itu berkata orang ramai diminta menggunakan laluan alternatif untuk mengelak kesesakan dan mematuhi arahan polis trafik yang berada di lokasi jalan ditutup bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Ketika ini cuaca di bahagian seberang dan pulau mendung, namun **Jabatan Meteorologi Malaysia** meramalkan hujan lebat serta angin kuat di Pulau Pinang.

Hampir keseluruhan kawasan di Pulau Pinang terjejas akibat banjir dengan beberapa kawasan ditenggelami air di antara 0.2 meter dan satu meter, diikuti angin kencang dan hujan lebat sejak Sabtu lepas yang turut menumbangkan puluhan pokok.

Hingga kini, kejadian banjir yang dikatakan terburuk di negeri ini telah meragut tujuh nyawa.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)



Usul Tergempar Berhubung Banjir Dibentang Di Sidang DUN Pulau Pinang



GEORGE TOWN, 6 Nov (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang pimpinan DAP hari ini membentangkan usul tergempar di persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini berhubung kejadian banjir buruk yang melanda negeri ini pada Sabtu dan Ahad lalu.

Ketika membentangkan usul berkenaan, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir negeri Chow Kon Yeow menggesa pihak berwajib di peringkat persekutuan, negeri, dan pihak berkuasa tempatan supaya meneliti dan menambah baik Prosedur Operasi Standard dalam menyampaikan maklumat, menggerakkan kerja menyelamat dan penyaluran bantuan agar lebih berkesan dan cekap.

"Dewan yang mulia ini juga menyeru supaya semua pihak berwajib dapat bekerjasama untuk menangani masalah banjir dengan pelaksanaan projek tebatan banjir yang lebih menyeluruh serta meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan alam sekitar dan mempertingkatkan keupayaan untuk menghadapi sebarang bencana," katanya.

Beliau berkata DUN Pulau Pinang merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa banjir yang terkorban dalam kejadian ribut dan hujan lebat yang melanda negeri ini selain menzhirkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang menyalurkan pelbagai bentuk bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda.

"Dewan yang mulia ini menyampaikan keprihatinan kepada semua keluarga dan individu yang telah mengalami kerugian dan kerosakan harta benda akibat ribut dan hujan lebat ini," kata Chow (DAP-Padang Kota) yang mencadangkan usul tergempar berkenaan di bawah Peraturan 30 Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Sementara itu, ketika membahaskan usul itu, Datuk Muhamad Farid Saad (BN-Pulau Betong) berharap agar agensi-agensi yang berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan memberi komitmen yang tinggi dalam membantu masyarakat.

"Kita amat menghargai pihak-pihak yang telah membantu mangsa-mangsa yang terlibat banjir ini. Ada beberapa perkara yang perlu ditambah baik sebagai contoh untuk menempatkan mangsa di satu dewan atau pusat pemindahan sementara ini tidak mencukupi, ada yang tidur hanya beralaskan kain sahaja.

"Kami yang mewakili Barisan Nasional (BN) amat prihatin dengan apa yang berlaku dan berharap semua pihak untuk terus menyumbang," katanya yang turut menyokong usul berkenaan.

Yap Soo Huey (DAP-Pulau Tikus) mencadangkan agar papan elektronik dipasang bagi membolehkan masyarakat mengetahui maklumat mengenai banjir dan ribut dengan lebih cepat manakala Soon Lip Chee (DAP-Jawi) meminta **Jabatan Meteorologi Malaysia** memberi maklumat kepada rakyat dengan lebih pantas.

Dalam pada itu R.S.N. Rayer (DAP-Seri Delima) menzahirkan ucapan penghargaan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kerana menerima panggilan telefon daripada Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng pada pukul 3 pagi berhubung permasalahan banjir seterusnya mengerahkan anggota tentera untuk membantu.

"Walaupun kita kadangkala ada berbalah dalam isu-isu politik namun kejadian malapetaka ini menunjukkan sifat kemanusiaan kita, masing-masing datang membantu. Datuk Seri Shahidan Kasim (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) pun turun di Seberang Perai Tengah dan adakan mesyuarat lewat tengah malam untuk pastikan kerja-kerja menyelamat ini berjalan lancar," katanya.

Sementara itu Chow ketika menggulung perbahasan usul tersebut berkata pihaknya akan mengambil maklum permasalahan dan cadangan yang dibangkitkan bagi mengatasi bencana buruk yang berlaku dengan membawa perkara terbabit kepada agensi berkaitan.

Beliau berkata Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri akan mendapatkan peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk memperkenalkan sistem amaran banjir di empat sungai utama iaitu Sungai Kuala Muda, Sungai Prai, Sungai Pinang dan Sungai Juru.

Usul berkenaan kemudian diluluskan sebulat suara.

Hujan lebat yang bermula pada jam 2 petang Sabtu lalu dan berterusan sehingga pagi Ahad (5 Nov) menyebabkan Pulau Pinang lumpuh akibat dilanda banjir selain mengorbankan tujuh individu.

Hampir keseluruhan kawasan di Pulau Pinang terjejas akibat banjir dengan beberapa kawasan ditenggelami air di antara 0.2 dan satu meter, diikuti angin kencang dan hujan lebat yang turut menumbangkan puluhan pokok.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)



Bekas Jurutera Disyaki Eksport Serbuk Ketum Ditahan

PADANG BESAR, 6 Nov (Bernama) -- Polis Padang Besar menemui cara baharu penjualan daun ketum yang diproses menjadi serbuk untuk dieksport dengan penangkapan seorang lelaki bekas jurutera Mesin Teler Automatik (ATM).

Ketua Polis Daerah itu, Supt Ghazani Abdul Ghani bekas jurutera berumur 42 tahun itu disyaki menjalankan aktivitinya dengan mempromosi produknya melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram sejak 2015.

Katanya lelaki itu disyaki mengeksport serbuk daun ketum dengan menggunakan perkhidmatan kurier dan mengisyiharkannya sebagai serbuk daun inai bagi mengabui pihak berkuasa.

"Pasukan Petugas Khas IPD Padang Besar yang menyerbu rumah lelaki itu di Kampung Alor Sena Paya, Jalan Kaki Bukit dekat sini pada 2 November lepas menemui 81 pek serbuk ketum seberat satu kilogram satuh pek.

"Siasatan awal mendapati lelaki itu mengaku telah membuat lebih 60 penghantaran serbuk ketum ke negara Eropah antaranya Jerman, United Kingdom, Itali, Kanada dan Belanda juga ke Amerika Syarikat sejak 2015 pada harga US\$50 (RM215) satuh pek," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Ghazani berkata polis bagaimanapun hanya menemui resit transaksi sehingga tahun 2016 dan beberapa peralatan untuk memproses dan membungkus bahan berkenaan turut dirampas di rumah lelaki itu manakala antara Januari hingga Oktober tahun ini sahaja dia disyaki berjaya meraih pendapatam lebih RM209,000.

Polis kini sedang memantau lebih 15 laman sesawang yang mempromosi penjualan serbuk ketum termasuk produk berdasarkan daun ketum dari luar negara, katanya.

Beliau menambah lelaki itu yang menjadikan Thailand sebagai pusat transit penghantaran tempahan produknya, mendapat bekalan di dalam dan luar Perlis serta rakannya di Indonesia bagi memenuhi permintaan pelanggan sekiranya tidak mempunyai bekalan yang mencukupi.

Reman selama empat hari terhadap bekas jurutera itu yang berakhir hari ini disambung tiga hari lagi sehingga 9 November ini, kata Ghazani dan menambah serbuk ketum itu akan dihantar kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis.

-- BERNAMA